

NO. SOALAN: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 1 APRIL 2015

RUJUKAN : 7596

SOALAN:

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa senjata api begitu senang didapati di Sarawak. Adakah kerana penyeludupan senjata api semakin serius. Sudahkah pihak polis menangkap suspek yang terlibat dalam kes tembakan baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian amat peka tentang apa jua situasi keselamatan dan ketenteraman awam yang berlaku dalam negara khususnya perlakuan jenayah yang melibatkan penggunaan senjata api. Umum mengetahui bahawa kebanyakan senjata api haram yang berada dalam negara dipercayai diseludup masuk ke negara ini melalui sempadan negara. Penggunaan senjata api haram didalam negara masih lagi terkawal walaupun terdapat sedikit peningkatan dalam kes jenayah berat yang menggunakan senjata api seperti kes bunuh, cuba bunuh, rompakan, dan ugutan jenayah. Didalam risikan pihak PDRM, antara faktor yang menyebabkan senjata api mudah diperolehi adalah seperti berikut:-

- i) Kaedah penyeludupan senjata api telah berubah daripada penyeludupan secara lengkap kepada kaedah terkini dengan menyeludup secara "*pieces by pieces*" dan dipasang semula dalam negara ini. Keadaan ini lebih menyukarkan pihak berkuasa untuk mengesan aktiviti berkenaan terutama senjata api bersaiz kecil seperti pistol dan revolver walaupun kita mempunyai kawalan yang ketat di pintu-pintu masuk dan kawasan di sempadan;**

- ii) Terdapat senjata api haram yang terapung di dalam negara yang disembunyikan oleh penjenayah-penjenayah yang ditangkap di bawah Ordinan Darurat (EO) dahulu, atau yang telah bebas dari penjara telah digunakan semula oleh penjenayah berkenaan;**

- iii) Wujudnya penembak upahan (*hitmans*). Daripada maklumat yang diperolehi, adalah senang untuk mendapatkan penembak upahan dengan bayaran yang murah antara RM1000 sehingga RM3000 sahaja bagi setiap kes. Disamping itu, senjata api boleh disewa dengan bayaran yang murah, malahan ada senjata api terpakai dari luar negara yang boleh dibeli dengan harga yang berpatutan. Ini mendorong kepada peningkatan pembunuh upahan ini;**

- iv) Pertelingkahan antara kumpulan kongsi gelap dan gangster untuk merebut kawasan operasi mereka, selain daripada menggunakan objek-objek tajam seperti parang, senjata api turut sering digunakan untuk membalas dendam kerana pada anggapan mereka dengan senjata api lebih menunjukkan kehebatan dan kekuasaan kumpulan tersebut; dan**

- v) Selain daripada senjata api yang diseludup, terdapat senjata api buatan sendiri yang digunakan untuk tujuan jenayah atau tujuan lain seperti memburu.**

Bagi negeri Sarawak, pada tahun 2015 (Januari - Februari), terdapat 6 kes melepaskan tembakan secara haram telah dilaporkan. Kesemua kes berlaku di daerah Sibu dipercayai menggunakan senapang patah atau "*pump gun*" atau senapang angin buatan sendiri. Daripada jumlah tersebut, 2 kes telah berjaya diselesaikan dan telah dituduh di Mahkamah dan 4 kes masih lagi dalam siasatan.